

<b>Headline</b>	<b>Anugerah vendor kontrak RM16.9b</b>		
<b>MediaTitle</b>	Harian Metro		
<b>Date</b>	23 Jul 2020	<b>Language</b>	Malay
<b>Circulation</b>	112,705	<b>Readership</b>	338,115
<b>Section</b>	Bisnes	<b>Page No</b>	22
<b>ArticleSize</b>	385 cm <sup>2</sup>	<b>Journalist</b>	N/A
<b>PR Value</b>	RM 45,327		



Bernama

**Bangi**

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menganugerahkan kontrak terkumpul berjumlah RM16.9 bilion kepada syarikat vendor di bawah Program Peninggalan dan Kontraktor Bumiputeraya (PPKB) dari 1995 hingga tahun lalu.

Ketua Pegawai Perolehannya, Amir Mahmud Abdullah berkata, ia membatikan 822 syarikat merangkumi 32 vendor di bawah kategori pembekal dan 790 vendor di bawah kategori kontraktor.

"Bagi tahun ini pula jumlah kontrak yang akan diluluskan tertakluk kepada permohonan pihak kami kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) yang mana permohonan baharu masih dipertimbangkan.

"Namun kami membelanjakan RM7 bilion bagi perbelanjaan modal untuk projek baharu kerja infrastruktur dan pembangunan baharu bagi tahun ini," katanya selepas majlis pelancaran Program Peningkatan Kemahiran bagi Kontraktor TNB di sini, semalam yang dilancarkan Pengurus TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian, Seksyen Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Azrilah Abdul Aziz.

Sementara itu, Mahdzir dalam ucapannya berkata,

# Anugerah vendor kontrak RM16.9b

**TNB tingkat tahap kompetensi syarikat bawah PPKB**



MAHDZIR (tiga dari kanan), Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (dua dari kanan), Amir dan Azrilah bersama seorang wakil kontraktor Bumiputera yang menerima replika kad, semalam.

inisiatif program itu bertujuan meningkatkan kemahiran kontraktor menerusi peningkatan tahap kompetensi dari segi kemahiran dan keupayaan teknikal mereka.

"Ini juga bagi memastikan

kerja yang dilaksanakan adalah berkualiti serta mengikut prosesur dan piawaian kejuruteraan yang ditetapkan.

"Ia juga sejajar komitmen

TNB yang sentiasa berusaha

untuk membangunkan vendor PPKB selaras hasrat negara membina dan memperkasakan sektor perdagangan dan perindustrian," katanya.

Beliau berkata, TNB memainkan peranananya seba-

gi syarikat induk dalam usaha membangunkan vendor khususnya dalam kalanng Bumiputera sejak lebih suku abad lalu yang mana manfaat daripadanya dapat dinikmati.